

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1987/88

FCP 453 Sediaan-Sediaan OTC

Tarikh: 21 Jun 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai tajuk-tajuk berikut:

- (A) Amalan swapengubatan dengan drug OTC.
- (B) Proses penilaian pesakit oleh Ahli Farmasi.

(25 markah)

2. Encik BB (50 tahun, tinggi 5 kaki 1 inci, 72 kg) datang ke farmasi anda untuk membeli sebarang drug untuk mengurangkan berat badannya. Beliau adalah pegawai eksekutif di sebuah firma swasta.

- (A) Apakah reaksi anda kepada encik BB?

(5 markah)

- (B) Terangkan kepada encik BB kaedah-kaedah untuk mengurangkan berat badan tanpa drug?

(5 markah)

- (C) Encik BB ingin tahu mengenai kelumumur dan dermatitis seborheik. Apakah perbezaannya?

(5 markah)

- (D) Encik BB menyatakan bahawa isterinya kerapkali mengadu rasa gatal dan pedih di bahagian perianus. Apakah nasihat anda kepada encik BB mengenai masalah isterinya?

(5 markah)

- (E) Apakah pendapat anda mengenai penggunaan vitamin C di dalam rawatan selsema?

(5 markah)

3. Seorang bapa memberitahu, anaknya yang berumur 3 tahun mendapat ruam panas yang tidak berapa teruk sejak seminggu yang lepas. Ruam ini didapati pada bahagian leher dan belakang badan serta menjadi gatal terutama di hari panas.

(A) Bagaimanakah ruam panas terjadi?

(4 markah)

(B) Berikan beberapa faktor yang dapat mengelakkan peluh yang berlebihan.

(4 markah)

(C) Dengan memberikan satu contoh yang sesuai, senaraikan empat (4) kumpulan sediaan ruam serta fungsinya.

(12 markah)

(D) Cadangkan sediaan ruam yang sesuai untuk pesakit di atas dan berikan alasan pilihan anda.

(5 markah)

4. (A) Bincangkan perbezaan dan kesamaan di antara larutan lensa kontak keras dan larutan lensa kontak lunak.

...4/-

- (B) (i) Namakan empat ramuan yang sudah diluluskan oleh FDA sebagai antipeluh yang berkesan dan selamat.
- (ii) Bincangkan secara ringkas mengenai bentuk dos, kepekatan dan kebaikan ramuan-ramuan tersebut.

(25 markah)

5. (A) Bincangkan bagaimana ketuat (wart) boleh mengjangkitkan seorang pesakit dan di bawah keadaan apakah pesakit mesti disyorkan untuk berjumpa doktor.

(10 markah)

- (B) Bincangkan sediaan-sediaan OTC yang boleh digunakan untuk rawatan ketuat, korn dan kallus serta perhatian-perhatian mesti diambil untuk penggunaan sediaan-sediaan tersebut.

(15 markah)